

1. Maharaja Abu Bakar telah menjalin hubungan dengan negara luar melalui lawatan. Apakah negara yang dilawati oleh pemerintah tersebut?

- I India
- II Jepun
- III Eropah
- IV Sri Lanka

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

2. British telah memperkenalkan sistem birokrasi Barat di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Apakah pembaharuan yang diperkenalkan melalui sistem tersebut?

- I Peminjaman pegawai Barat
- II Penubuhan mahkamah sivil
- III Pengenalan jabatan-jabatan
- IV Pembinaan sekolah vernakular

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

3. Maklumat berikut berkaitan strategi perluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu.

Perluasan kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Mengapakah perluasan kuasa British di negeri-negeri tersebut dijalankan secara berperingkat-peringkat?

- I Elakkan tindakan agresif Siam
- II Berada di bawah naungan Siam
- III Gangguan daripada kuasa Burma
- IV Kekurangan sumber kewangan dan ketenteraan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

4. Apakah negeri yang mempunyai kaitan dengan lokasi kawasan berikut?

Jajahan Kecil Lojing

Jajahan tersebut terletak di _____.

- ☐ A Perlis
- ☐ B Kedah
- ☐ C Kelantan
- ☐ D Terengganu

5. Apakah negeri-negeri Melayu yang menjadi pembekal barang dagangan kepada pedagang Singapura?
- I Terengganu
 - II Kelantan
 - III Kedah
 - IV Perlis

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

6. Maklumat berikut berkaitan kuasa Barat yang ingin meluaskan kuasa di negeri Melayu Utara.

- Perancis
- Jerman

Bagaimanakah usaha British untuk menghalang kemaraan kuasa Barat tersebut ke negeri Melayu Utara?

- ☐ A Dibina kubu pertahanan
- ☐ B Dijadikan negara penampan
- ☐ C Digubal sistem perundangan
- ☐ D Ditambah kekuatan ketenteraan

7. Garis masa berikut menunjukkan perjanjian antara British dan Siam.



Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Negeri-Negeri Melayu Utara?

- I British meluaskan kuasa
- II Sistem Penasihat diwujudkan
- III Siam menegakkan pertuanan
- IV Pentadbiran tradisional dihapuskan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

8. Siam telah melakukan kekejaman di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Bagaimanakah tindakan British untuk mengatasi kekejaman tersebut?

- ☐ A Menghantar bunga emas setiap tahun
- ☐ B Melancarkan slogan 'Beban Orang Putih'
- ☐ C Melakukan serangan melalui kapal perang
- ☐ D Menghentikan hubungan luar dengan Siam

9. Jadual berikut menerangkan senario di negeri Johor.

Tahun	1699
Peristiwa	Jurai keturunan Sultan Melaka di Johor berakhir.

Apakah kesan daripada senario tersebut terhadap Kesultanan Johor?

- I Konflik politik berlaku
- II Campur tangan kuasa Siam
- III Peperangan saudara berlaku
- IV Keturunan Bendahara mengambil alih

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

10. Rajah berikut menerangkan peranan pembesar peringkat jajahan.



Apakah X?

- ☐ A Mentadbir negeri
- ☐ B Membekalkan tenaga tentera
- ☐ C Mengekalkan taat setia masyarakat
- ☐ D Mempertahankan kedaulatan negeri

11. Apakah jawatan yang disandang oleh Dato' Arau dalam pentadbiran Perlis pada abad ke-19?

- ☐ A Penghulu
- ☐ B Raja Muda
- ☐ C Ketua Menteri
- ☐ D Perdana Menteri

12. Apakah kekayaan sumber hasil negeri Melayu yang berikut demi memenuhi permintaan penduduk Pulau Pinang yang dikuasai oleh British?

- Kedah
- Perlis

- I Hasil laut
- II Hasil hutan
- III Penternakan
- IV Hasil pertanian

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

13. Apakah cadangan Gabenor Negeri-negeri Selat terhadap Johor pada tahun 1879?

- ☐ A Membina jalan kereta api
- ☐ B Menempatkan Residen British
- ☐ C Memperkenalkan birokrasi Barat
- ☐ D Menubuhkan Jabatan Kehakiman

14. Jadual berikut berkaitan perjalanan sistem pentadbiran negeri Kelantan.

Kuasa	Pentadbiran
Sultan	Majlis Mesyuarat Negeri
Penasihat British	X

Apakah pentadbiran X?

- ☐ A Jemaah Menteri
- ☐ B Dewan Negeri
- ☐ C Kabinet
- ☐ D Majlis

15. Mengapakah Kesultanan Melayu yang berikut menjalin hubungan luar dengan Siam?

- Kerajaan Perlis
- Kesultanan Kedah

- ☐ A Memperkukuh tentera
- ☐ B Memelihara kedaulatan
- ☐ C Memakmurkan kerajaan
- ☐ D Menangani kuasa British

16. Mengapakah British gagal menggabungkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

- ☐ A Tentangan daripada raja Melayu
- ☐ B Bantahan daripada orang Melayu
- ☐ C Ketidakeimbangan kuasa mentadbir
- ☐ D Gagal mendapat sokongan pembesar


17. Jadual berikut berkaitan dengan perundangan di Negeri-negeri Melayu.

Negeri	Johor	Terengganu
Perundangan	Undang-Undang Tubuh Kerajaan	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu

Mengapakah Kesultanan Melayu menggubal perundangan tersebut?

- ☐ A Menyatukan kaum
- ☐ B Menjamin keamanan
- ☐ C Mengukuhkan institusi raja
- ☐ D Membangunkan ekonomi

18. Rajah berikut menunjukkan ancaman terhadap Kedah.



Bagaimanakah Kedah menghadapi ancaman tersebut?

- ☐ A Hubungan dengan Siam
- ☐ B Mengambil askar upahan
- ☐ C Perdamaian dengan musuh
- ☐ D Membina kubu pertahanan

19. Rajah berikut berkaitan dengan kegiatan ekonomi masyarakat tempatan di negeri-negeri Melayu.



Apakah negeri X tersebut?

- ☐ A Terengganu
- ☐ B Johor Riau
- ☐ C Kedah
- ☐ D Perlis

20. Maklumat berikut berkaitan pentadbiran wilayah di Kelantan.

Pada tahun 1904, Kelantan dibahagikan kepada tiga jajahan.

Apakah jajahan tersebut?

- I Pasir Mas
- II Kuala Krai
- III Kota Bharu
- IV Pasir Puteh

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV